



**Laporan Kaji Selidik Kebersihan dan Keceriaan Klang Sempena Sambutan Hari  
Kemerdekaan dan Hari Malaysia 2019**

**Majlis Perbandaran Klang (MPK)**

**Dilaksanakan Oleh:**

**Jabatan Komunikasi Korporat**

## 1.1 Pengenalan

Kajian ini telah dijalankan oleh pihak Majlis Perbandaran Klang (MPK) bersempena dengan Sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia 2019. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumbalas daripada penduduk Klang berkaitan dengan kebersihan dan keceriaan di kawasan sekitar Klang.

## 1.2 Objektif

- Menguji tahap kesedaran warga Klang dan luar Klang berkenaan Sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia.
- Menguji sejauh mana kefahaman orang awam mengenai slogan 'Sayangi Malaysiaku, Malaysia Bersih'.
- Untuk mewujudkan semangat menjaga kebersihan dan keceriaan Klang sesama penduduk sekitar.

## 1.3 Cara Kajian/ Metodologi

1. Kajian ini telah dijalankan secara atas talian menggunakan kaedah Google Form dan dimuatnaik di laman Facebook Saluran Komunikasi MPKlang serta menggantung kain rentang dan bunting di kawasan perkarangan Majlis Perbandaran Klang bagi tatapan orang awam serta kakitangan.
2. Kaji selidik ini adalah berkenaan dengan Sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia bagi mendapatkan maklumbalas khususnya bagi penduduk Klang yang dianggarkan berjumlah 800 ribu penduduk setakat tahun 2019. (Sumber: [https://en.wikipedia.org/wiki/Klang\\_\(city\)](https://en.wikipedia.org/wiki/Klang_(city))).
3. Kaji selidik ini telah dimuatnaik di Saluran Komunikasi MPKlang pada hari Ahad bertarikh 1 September 2019 dan ditutup pada 30 September 2019.
4. Pihak Majlis Perbandaran Klang telah berjaya mendapatkan seramai 509 responden.

### 1.4 Dapatan Kajian

Seramai 509 responden telah memberikan maklumbalas kepada kaji selidik ini. Berikut merupakan data yang diperolehi daripada kaji selidik ini.

#### Jantina

Jantina	Perempuan	Peratus
Lelaki	209	41%
Perempuan	300	59%
<b>Jumlah: 509</b>		

#### Umur

Umur	Responden	Peratus
20 tahun dan ke bawah	2	0.4%
21 – 30	80	16%
31 – 40	241	47%
41 – 50	154	30%
51 dan ke atas	32	6%
<b>Jumlah: 509</b>		

**Akademik**

Tahap Akademik	Responden	Peratus
Sijil/ SPM	63	12%
Diploma	144	28%
Sarjana Muda	257	51%
Sarjana/ PhD	28	6%
Lain-lain	15	3%
<b>Jumlah: 509</b>		

**Soalan Pertama (Kawasan responden)****Klang Utara**

DUN	Wakil Rakyat	Ahli Majlis	Jumlah Responden
N40 Kota Anggerik	YB Tuan Mohd Najwan Halimi	N40 - En. Jacky Ng Chee Eng	20
N41 Batu Tiga	YB Puan Rodziah Ismail	N41 - En. Ng Seng Nam	21
N42 Meru	YB Tuan Mohd Fakhurulrazi Mohd Mokhtar	N42 (A) - En. Halim Mohamed Redzuan N42 (B) - En. Abdul Razak Abdul Rashid	135
N43 Sementa	YB Puan Dr Daroyah Alwi	N43 (A) - Pn. Umi Jumaina Mohamed Jan N43 (B) - Dato' Azizi Ayob	87

**LAMPIRAN A**

		N43 (C) - En. M. Mathuraiveeran Marimuthu	
N45 Bandar Baru Klang	YB Dato' Teng Chang Khim	N45 (A) - Puan Ngian Yoke Mooi  N45 (B) - En. Tan Jee Kian  N45 (C) - En. Ng Seng Nam  N45 (D) - En. Jacky Ng Chee Eng	58
			<b>Jumlah: 321</b>  <b>Peratus: 63%</b>

**Klang Selatan**

<b>DUN</b>	<b>Wakil Rakyat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Jumlah Responden</b>
N44 Selat Klang	YB Datuk Abdul Rashid Asari	N44 (A) - En. Kamaruzaman Adnan  N44 (B) - En. Hozir Hazreeq Zainal Abidin	48
N46 Pelabuhan Klang	YB Tuan Azmizam Zaman Huri	N46 (A) - En. Hashim Mat Piah  N46 (B) - Pn. Puspavali Mahalinggam	39

**LAMPIRAN A**

		N46 (C) - Pn. Norazah Said	
N47 Pandamaran	YB Tuan Leong Tuck Chee	N47 (A) - En. Nalan Muniandy N47 (B) - En. Denesh Raja Rajaratnam N47 (C) - Dr. Loo Cheng Wee N47 (D) - Pn. Chia Siu	42
N48 Sentosa	YB Tuan Gunarajah R George	N48 (A) - En. Gan Ee Chai N48 (B) - En. Sebastine Rao Pragasam N48 (C) - Pn. Yogayswari Ramalu	13
N49 Sungai Kandis	YB Tuan Mohd Zawawi Ahmad Mughni	N49 (A) - En. Sundaram Subramaniam N49 (B) - En. Megat Shariffudin Shaharuddin	46
			<b>Jumlah: 188</b> <b>Peratus: 37%</b>

## Soalan Kedua

**Skor Kebersihan Kawasan Klang**

Skor	Jumlah Responden	Peratus
Tidak Memuaskan	293	58%
Kurang Memuaskan	146	29%
Sederhana Memuaskan	58	11%
Memuaskan	11	2%
Sangat Memuaskan	1	0.2%
<b>Jumlah: 509</b>		

## Soalan Ketiga

**Skor Keceriaan Kawasan Klang**

Skor	Jumlah Responden	Peratus
Tidak Memuaskan	267	53%
Kurang Memuaskan	149	29%
Sederhana Memuaskan	78	15%
Memuaskan	14	3%
Sangat Memuaskan	1	0.2%
<b>Jumlah: 509</b>		

**Soalan Keempat**

Pada pendapat anda, masalah kebersihan dan keceriaan Klang yang ada masa kini adalah tanggungjawab siapa?

Tanggungjawab	Jumlah Responden	Peratus
Pihak Berkuasa	10	2%
Orang Awam	50	10%
Kedua-duanya sekali	447	88%
	<b>Jumlah: 509</b>	

**Soalan Kelima**

Adakah anda mempunyai sebarang ulasan atau cadangan penambahbaikan?

1. Kebanyakan kontraktor tidak melaksanakan skop kerja seperti yang dikehendaki dalam tender yang diluluskan. Contohnya, jika satu kawasan memerlukan sepuluh tenaga kerja, tetapi hanya dua pekerja sahaja yang diberikan. Pembersihan dilakukan secara ala kadar sahaja. Pembersihan longkangdan pemotongan rumput tidak mengikut jadual seperti yang dimaklumkan. Pegawai yang sepatutnya dari pihak Majlis harus memantau segala tender pembersihan yang diberi pihak kontraktor dan harus mendapatkan maklumat dari penduduk tempatan sama ada pembersihan dilakukan seperti yang ditetapkan serta tidak melindungi kontraktor terbabit.
2. Perluaskan kempen kesedaran. Pihak berkuasa perlu sepakat dengan orang awam untuk meyakinkan mereka tentang kesan yang akan datang jika Bandar Klang menjadi bersih. Berharap kontraktor sampah yang dilantik turun padang sehari dua kali mengikut kawasan yang kritikal.
3. Tegaskan tindakan penguatkuasaan di Kawasan yang mempunyai ramai pendatang asing. Di situ banyak sampah-sampah dibuang merata kerana ramai yang berniaga di tepi jalan dan sampah dibuang di dalam parit. Mohon penguatkuasa serbu setiap satu kedai dan membri amaran. Jika ada sampah disekitar Kawasan mereka, denda akan dikenakan.



4. Banyakkan aktiviti gotong-royong untuk membersihkan Kawasan dan membuat mural-mural serta mengecat semula bangunan.
5. Penyediaan tong sampah besar selain penyelenggaraan berkala kepada tong sampah yang telah rosak. Kontraktor kutipan sampah juga perlu menyapu dan mengutip sampah di sekitar tong dan bukannya hanya sampah di dalam tong sampah.
6. Kompleks Sukan Pandamaran sudah tidak bersih seperti dahulu dan kotor setelah program diadakan di situ.
7. Mengambil tindakan terhadap bangunan yang terbengkalai di Armada Putra kerana ia akan mengundang penagih dadah manakala yang tidak diselenggarakan harus MPK mengambil tindakan kerana boleh mengundang risiko kecurian api dan pendatang tanpa izin di flat Armada Putra.
8. Banyakkan tanaman pokok di sekitar Klang bagi memperindah Kawasan.
9. Sentiasa mengadakan aktiviti melibatkan penduduk setempat seperti gotong-royong, sukan dan lain-lain.
10. Jalan berlubang kerana banyak kenderaan berat dari arah Pelabuhan Klang.
11. Di Taman Angkasa 2, longkang, padang permainan dan papan tanda tidak diselenggara dengan baik. Selain itu, terdapat anjing liar dan nyamuk yang makin kritikal.
12. Boleh menambah keceriaan dengan tanam pelbagai jenis pokok di tepi jalan.
13. Lambakan warga asing.
14. Jalan yang diturap mestilah sekata. Kerana jalan menjadi semakin tinggi daripada jalan di lorong-lorong.
15. People should change their mind set to take care of our beloved city.

**16. Komen**

- Pegawai MPK turun padang dan tinjau semua tanah kosong dan terbiar. Ia adalah tempat pembiakan nyamuk, tikus, biawak, ular tedung dan pelbagai makhluk perosak.
- Tindakan segera perlu diambil terhadap pemilik yang tidak mengusahakan tanah mereka. Pertama, beri notis amaran. Lepas seminggu, beri amaran kedua. Minggu ke-3, hantar surat saman. Minggu ke-4, masuk tanah mereka (jika berkunci, pecahkan kuncinya) dengan jentolak dan ratakan tanah mereka.
- Tindakan ini perlu dan wajar demi ketenteraman dan ketenangan jiran yang takut untuk buka pintu sliding sekalipun atau bermain dengan keluarga atau berkebun dikawasan rumah. Takut diceroboh oleh ular dan nyamuk aedes.
- Rujukan tanah terbiar 1: Rumah No. 20, Jln Tengah Kg Raja Uda. 42000 Pel. Klang. Ada banyak lagi yang lain.
- Pelbagai cara telah saya dan jiran lain buat. Mengadu sendiri beberapa kali dengan pemilik dan bertegang urat dengannya akibat sikap tidak endahnya. Membuat e-aduan beberapa kali, mengadu kepada Ketua JKKK, Jabatan Kesihatan dan Penghulu Mukim. Namun hingga sekarang tiada apa yang berubah.
- Harap dapat perhatian sebelum sesuatu yang buruk menimpa ahli keluarga kami.

**1.5 Kesimpulan**

Semangat kemerdekaan perlu disemai di kalangan masyarakat Klang pada setiap masa dan bukan hanya tertumpu ketika sambutan itu dijalankan. Hal ini kerana, dengan semangat yang dipupuk bersama, penduduk Klang akan lebih bersatu padu di kalangan pelbagai bangsa dan seterusnya, akan melahirkan bangsa Malaysia yang hidup aman damai serta mengaplikasikan slogan 'Malaysia Bersih' dengan memastikan kebersihan persekitaran kawasan setempat.